

16 OCT 1996

Pekerja (Fokus berita)

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA KAJI SEMULA PENGAMBILAN PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) petang esok dijangka membincangkan isu pekerja asing yang telah begitu banyak menimbulkan masalah sosial di negara ini.

Statistik menunjukkan terdapat 1.5 juta rakyat asing bekerja di negara ini secara sah tetapi jumlah yang masuk dan bekerja secara haram juga hampir sama dengan angka itu.

Pada mulanya, negara hanya menghadapi masalah kemasukan rakyat asing secara haram, disusuli masalah penyakit berjangkit dan akhir-akhir ini pula isu perkahwinan pekerja asing dengan rakyat tempatan.

"Saya sudah sejak dulu lagi mengingatkan mengenai masalah sosial yang akan melanda negara ini jika kita terlalu bergantung kepada pekerja asing. Waktu itu memanglah belum ada masalah tapi sekarang sudahpun jadi masalah," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 4 Okt lepas.

Dr Mahathir berkata masalah sosial yang tercetus akibat kemasukan pekerja asing dipandang berat oleh MT dan beliau, sebagai Pengerusi MKN, akan membawa perkara itu kepada mesyuarat berkenaan.

Katanya MKN akan menimbang kemungkinan mengurangkan pengambilan pekerja asing, terutama Bangladesh.

Pada Perhimpunan Agung Umno minggu lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, negara masih memerlukan pekerja asing bagi menampung keperluan tenaga buruh dalam beberapa sektor.

Ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan itu Sabtu lepas, Anwar berkata kerajaan menyedari masalah sosial yang berbangkit dan akan mengambil tindakan tertentu untuk mengatasinya.

"Pekerja sedia ada perlu diberi latihan dan masyarakat yang malas bekerja harus diberi galakan agar terus bekerja," katanya mengenai sikap rakyat tempatan yang terlalu memilih pekerjaan sehinggakan kerja yang mereka tidak minat terpaksa diserahkan kepada pekerja asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata Malaysia hanya memerlukan pekerja asing yang patuh kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti tidak boleh berkahwin dengan rakyat tempatan.

"Kita pilih hanya mereka yang sanggup bekerja kuat, yang datang sini hanya untuk sesuap nasi, nak buat harta sedikit dan mempunyai kesihatan yang baik. Yang tak ikut syarat kita terpaksa hantar balik," katanya dalam rancangan "Dari Hati ke Hati" terbitan TV3 pagi tadi.

Katanya Malaysia tidak akan menghadapi masalah mencari pekerja asing lain kerana masih ramai yang ternanti-nanti peluang untuk bekerja di negara ini.

Mengenai larangan kerajaan terhadap pekerja asing bukan profesional daripada berkahwin dengan rakyat tempatan, beliau berkata : "Memanglah jodoh pertemuan di tangan Tuhan tetapi masalahnya kita telah beritahu semua pekerja asing yang diberi permit kerja bahawa mereka tidak boleh kahwin dan mereka tandatangani surat perjanjian itu".

"Jadi apabila mereka telah lakukan perkara yang bercanggah dengan apa yang mereka setuju, maka terpaksalah kita ambil tindakan untuk batalkan permit mereka."

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan MKN akan mengambil kira segala fakta yang ada sebelum membuat sebarang keputusan mengenai masa depan pekerja asing di negara ini. -- BERNAMA

AH MAI

